

## **PANDUAN MENDAPATKAN PERAKUAN BAGI MENGGAJIKAN PEKERJA DOMESTIK INDONESIA (PDI) SECARA MANUAL**

1. Majikan:
  - i. Memilih dan menggunakan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berdaftar dengan JTKSM dan aktif (3 bulan sebelum tamat lesen);
  - ii. kos pengambilan tidak melebihi RM15,000
  - iii. pendapatan isi rumah melebihi RM7,000
  
2. APS:
  - i. Lesen agensi masih aktif dan tidak kurang dari 3 bulan sebelum tempoh tamat lesen;
  - ii. tidak mempunyai kes perburuhan yang belum selesai;
  - iii. menghantar dokumen majikan sepertimana yang dinyatakan di dalam senarai semak;
  - iv. membuat permohonan melalui <https://maid-online.imi.gov.my> atau secara serahan tangan di Ibu Pejabat Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (sehingga 31 Disember 2022).

### **MEMILIH SKOP TUGAS PDI**

- 3 pilihan kategori penggajian PDI:
  - i. Menjaga kanak-kanak:
    - Menjaga tidak lebih 2 kanak-kanak berumur kurang 15 tahun tanpa penjagaan khusus; atau
    - Menjaga satu anak yang memerlukan perhatian khusus (tidak termasuk penyakit yang memerlukan penjagaan khusus seperti sindrom down, autism);
    - Tidak dibenarkan melaksana tugas mengurus kediaman dan tukang masak.
  
  - ii. Menjaga Orang Tua/ Sakit
    - Menjaga tidak lebih satu orang tua/dewasa yang memerlukan penjagaan khusus (tidak termasuk penyakit yang memerlukan penjagaan khusus seperti sindrom down, autism);
    - Tidak dibenarkan untuk melaksana tugas mengurus kediaman dan tukang masak.
  
  - iii. Mengurus Kediaman
    - Mengurus satu kediaman terdiri daripada 6 orang isi rumah tanpa penjagaan khusus;
    - Tidak dibenarkan untuk mengasuh anak dan menjaga orang tua/sakit.
  
4. **Majikan dan APS juga tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Kedutaan Besar Republik Indonesia.**